


Muhaimin Sulam

Waktu yang Terhenti

*Dari Stockholm
Ke Cordoba
Menuju Damascus*

32





Muhaimin Sulam

Waktu yang Terhenti

Dari Stockholm ke Cordoba Menuju Damascus



1013905

ILHAM BOOKS
Kuala Lumpur
2025



**WAKTU YANG TERHENTI:
DARI STOCKHOLM KE CORDOBA MENUJU DAMASCUS**

Hak Cipta Terpelihara @ Muhaimin Sulam, 2025
Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2025

Cetakan Pertama, 2025

ILHAM BOOKS (002683798-H)
No. 94, Jalan Nilai Square 3
Nilai Square, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, MALAYSIA

Facebook: www.facebook.com/ilhambooks
Email: admin@ilhambooks.com
Website: www.ilhambooks.com
Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-967-0067-29-2

Editor: Hanis Sofiya
Prof: Aqilah Syazwina
Atur Huruf: Hanis Sofiya
Reka Kulit: Sa'adah Shahnom
Jualan & Pemasaran: Amin Iskandar & Aqilah Syazwina

Dicetak oleh: Percetakan Mesbah Sdn. Bhd. (819193-K)
No. 11, Jalan Tun Perak 6,
Taman Tun Perak,
43200 Cheras, Selangor

808.882

KANDUNGAN

MUKADIMAH	ix
BAHAGIAN I: MELAYANG JAUH	15
Bab 1 Kembara Yang Menginspirasi	17
Bab 2 Selamat Tinggal Tanah Air	21
Bab 3 Melangkah ke Eropah	25
Bab 4 Menjejak Kaki di Manchester	33
Bab 5 Pengasuh Anak Orang Perancis	43
Bab 6 Barat Yang Digelapkan	45
Bab 7 Setelah Angin Siberia Datang	49
Bab 8 Sebuah Pusara di Ladang	53
Bab 9 Eloklah Berkahwin!	57
Bab 10 Pergi ke Konsert Maher Zain	61
Bab 11 Ke Disko atau Masjid?	65
Bab 12 Welcome to the Halal Night Club	69
Bab 13 Bazar Ramadan	73
Bab 14 Dan Berakhirilah Piala Dunia	77
Bab 15 James Bond Buatan Tempatan	81
Bab 16 Beli Mercedes Benz	85
Bab 17 Sekontena Bawa Pulang	91
Bab 18 Selamat Tinggal Bumi Inggeris	95
BAHAGIAN II: MEREDAH EROPAH	99
Bab 19 Meredah Eropah	101
Bab 20 Kerangka Pemikiran Barat	105
Bab 21 Demonstrasi Solo Depan Istana	109
Bab 22 Melayang-Layang di Norway	113
Bab 23 Negara Seribu Terowong	117
Bab 24 Jual Paus di Bergen Fish Market	121

Bab 25	Impikan Masyarakat Madani	125
Bab 26	Menyelusuri Fiord	129
Bab 27	Di Sebalik Mitos Rakyat	133
Bab 28	Belajar Universiti Percuma	137
Bab 29	Masjid Kayu di Kota Bergen	141
Bab 30	Mi Segera di Pagi Hari Raya	145
BAHAGIAN III: EMPAT NEGARA DALAM SEMINGGU		149
Bab 31	Terbang Tinggi ke Airport Kecil	151
Bab 32	Memandu di Highway Tanpa Had Laju	155
Bab 33	Orang Perak di Kota Jerman	159
Bab 34	Membongkar Sejarah Hitler	163
Bab 35	Cerita Politik dari Landasan Keretapi	167
Bab 36	Antara Beethoven dan P. Ramlee	171
Bab 37	Selamat Tahun Baru Snouck!	175
Bab 38	Berkereta ke Kota Paris	179
BAHAGIAN IV: SALAM KOTA ISTANBUL		183
Bab 39	Salam Kota Istanbul	185
Bab 40	Beraya di Kota Uthmaniyah	187
Bab 41	Tangisan Takbir Raya	191
Bab 42	Menjejaki Melayu di Kota Istanbul	195
Bab 43	Ke Maqam Adnan Manderes	199
Bab 44	Pedang Nabi Bertatahkan Permata	203
Bab 45	Gundik dalam Istana Sultan	207
Bab 46	Kebebasan Bertudung	209
Bab 47	Sufi Yang Menari	213
Bab 48	Syawal di Maqam Abu Ayub al-Ansari	217
BAHAGIAN V: SURIA DARI CORDOBA		221
Bab 49	Suria dari Cordoba	223
Bab 50	Menjejaki Bumi Tinggalan Umayyah	227
Bab 51	Picasso dan Patung di Pintu Masjid	231
Bab 52	Membakar Semangat Jihad di Gibraltar	235

Bab 53	Harmonikan Hiburan itu!	239
Bab 54	Andalusia dari Mata Loloq	245
BAHAGIAN VI: KE LEMBAH JORDAN		251
Bab 55	Dari Roma ke Kota Amman	253
Bab 56	Kembara ke Daerah Terlaknat	257
Bab 57	Minum Teh Bersama Arab Badwi	261
Bab 58	Menyelongkar Rahsia Kota Petra	265
Bab 59	Cerita dari Bandar Nabi Salleh	269
Bab 60	Syuhada di Bumi Asing	273
Bab 61	Membangkitkan Semula Roh Ashabul Kahfi	277
BAHAGIAN VII: SYRIA SEBELUM PERANG		281
Bab 62	Syria Sebelum Perang	283
Bab 63	Subuh di Masjid Ramadhan al-Buti	287
Bab 64	Sebuah Gambus dari Kota Damascus	291
Bab 65	Perkampungan di Tinggalan Empayar Rom	295
Bab 66	Keramat di Perkuburan Imam Nawawi	299
Bab 67	'Police State' di Tanah Arab	303
Bab 68	Di Bawah Bayangan Patung Salahuddin al-Ayubi	307
Bab 69	Di Sebalik Maqam Muawiyah Yang Terbiar	311
Bab 70	Memperingati Karbala	315
Bab 71	Menanti Turunnya al-Masih	319
Bab 72	Sehari di Kota Beirut	323
Bab 73	Melewati Kawasan Sabra dan Shatila	327
BUKAN BERHENTI		331



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

MUKADIMAH

Sebelum menulis di bahagian mukadimah ini, aku berfikir panjang bagi mengingatkan kembali tulisan dan ingatan dengan buku aku yang berjudul *Aku Melayu di Kota Inggeris* yang diterbitkan pada tahun 2012 oleh Kemilau Publika. Buku tersebut menceritakan tentang pandangan dan pengalaman aku selama empat tahun di United Kingdom. Buku yang ada pada tangan pembaca ini adalah satu kesinambungan dengan buku tersebut. Aku tidak akan mengulangi kembali cerita yang terkandung di dalam buku *Aku Melayu di Kota Inggeris*.

Buku ini adalah catatan tentang tanah Inggeris dan juga benua Eropah serta Timur Tengah. Di dalam buku *Aku Melayu di Kota Inggeris*,¹ ada beberapa perkara atau topik yang ramai pembaca ingin tahu tetapi tiada di dalam buku tersebut. Antaranya bagaimana belajar di luar negara tanpa biasiswa dan cara-cara yang lebih praktikal untuk melepasi semua cabaran yang dihadapi di negara orang. Aku harap sambungan buku ini akan menjawab beberapa pertanyaan yang tidak pernah dikongsi sama dengan pembaca sekalian.²

Mukadimah tulisan ini adalah gambaran awal apa yang bakal aku isikan dalam bahagian lain seterusnya. Sebelum menulis lebih lanjut, aku merangka idea besar dalam buku ini. Ideanya ialah 'berkembang sayap, terbang melayang'. Kerangka ini adalah gambaran satu persepsi tentang fikiran akan datang dari pengalaman pengembaraan yang aku lalui. Mungkin juga aku masukkan impian dan harapan. Tidak salah berangan, mengharap dan bermimpi. Perubahan hari ini adalah hasil daripada mimpi yang kemudiannya diusahakan secara bekerja dengan bersungguh-sungguh dan berterusan.

Melayang jauh juga bermakna aku cuba menjarakkan diri dari menulis daerah politik yang serba serius dan *stress*. Hari-hari ada sahaja isu dan kes politik yang meletup dan tidak sudah-sudah penghujungnya. Namun perlu diakui politik itu sendiri sukar terpisah dalam diri manusia yang bermasyarakat. Ini kerana bermasyarakat itu bermakna kita berpolitik.

Tentu sekali apa yang aku tulis adalah hasil pengalaman pengembaraan peribadi. Kita semua adalah pengembara. Setidak-tidaknya pengembara waktu. Aku suka meneroka. Sejak kecil lagi impianku adalah menjadi pengembara. Ibnu Battutah, Cheng Ho, Marco Polo, Panglima Awang dan lain-lain adalah nama besar pengembara hebat yang merangsang keinginanku mengembara. Dalam penerokaan dan pengembaraan, kutemui pelbagai jalan dan lorong yang mengasyikkan. Kusaksikan sendiri perbezaan dan persamaan kehidupan di tempat aku dengan tempat-tempat yang pernah aku singgah. Dari benua Asia ke Eropah dan Afrika. Dari situ, aku catat sedikit demi sedikit dalam buku sebelum dicanai menjadi sebuah catatan pengembaraan untuk ditatap sidang pembaca.

Berada di tempat sendiri terlalu lama biasanya menjadikan kita selesa. Alah bisa, tegal biasa. Aku tidak betah untuk tinggal di tempat yang penuh lalat seperti sewaktu aku mengembara ke negara-negara timur tengah. Letih tangan aku menghayun kiri kanan menghalau lalat berterbangan di hadapan makanan. Rimas dibuatnya. Kadang kala hingga hilang selera. Namun, kulihat masyarakat tempatan selamba sahaja. Seperti tiada perlu yang dibimbangkan. Makin rancak mereka bersembang sambil menghirup kopi yang dihurungi lalat.

Awalnya berada di tempat sejuk terasa menyeronokkan, ada salji yang memutih dan boleh bermain-main geluncur ais. Tetapi setelah aku merasai seksanya di musim sejuk kadangkala membuatkan aku resah. Jika sampai tahap sejuknya hingga ke tulang sum-sum, serba tidak kena dibuatnya. Berlapis-lapis selimut dan baju tidak dapat menahan kesejukan musim dingin. Ini baru di Swansea yang agak ke selatan. Tidak terbayang jika di bahagian utara yang lebih sejuk.

Mengembara ke bumi asing menjadikan kita menghargai tanah air sendiri. Namun sehingga kini, aku masih ingin memahami makna peribahasa Melayu yang mengatakan, 'hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri. Lebih baik negeri sendiri'. Memahami sahaja tidak memadai. Mungkinkah orang Melayu dididik agar tidak bersifat kebendaan, tidak cemburu dengan kekayaan orang lain, rela sakit dan sayangkan tempat sendiri.

Proses penulisan buku ini mengalami pelbagai situasi yang seiring dengan sifat dunia yang berubah, bergolak dan panjang. Ia memakan masa lebih sepuluh tahun tetapi tidak berterusan melainkan banyak terhenti atau berehat. Mengambil manfaat dan ruang yang ada semasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (2020 - 2022), aku pun menyusun kembali tulisan lama. Buku ini sebenarnya mula ditulis semasa aku tinggal di United Kingdom (2006 - 2010) dan kemudian disambung selepas kembali ke tanah air.

Buku ini diberi judul 'Waktu Yang Terhenti' sebenarnya merujuk pengembaraanku ke benua Eropah dan juga Timur Tengah. Kerana itu, bab-bab seperti 'Melayang Jauh', 'Meredah Eropah', 'Salam Kota Istanbul' dan sebagainya adalah kesempatan untuk kita menganjakkan diri ke hadapan dari sempadan geografi politik kepada dunia tanpa sempadan. Melangkah ke hadapan dengan bekal pengalaman dan impian yang dikongsi sama. Kita tidak boleh terikat dengan pengalaman sejarah semata-mata tanpa mempertimbangkan kreativiti impian. Ada keseimbangan antara kedua-dua faktor ini dalam menempa kejayaan. Al-Quran sendiri mengandungi cerita untuk iktibar dan juga ayat-ayat yang mengandungi gambaran masa hadapan.

Melayang terbang tinggi ke awan, kita akan lihat indahnya bumi yang membiru. Awan berkepul-kepul putih di angkasa. Berada di tepi tingkap kapal terbang sewaktu ia mula berlepas memang satu pemandangan yang sukar untuk dilepaskan. Ramai memilih untuk duduk di tepi tingkap. Di sinilah waktunya untuk kita melihat dari jauh bumi yang ditinggalkan atau yang bakal kita mendarat. Mendarat atau berlepas waktu malam, lampu-lampu rumah dan jalan raya menerangi kegelapan malam. Indah sekali.

Jika tidak mampu mengembara jauh, tidak mengapa. Asal jangan menjadi katak di bawah tempurung. Dunia sempit dianggap indah dan selesa tanpa menyedari wujud dunia yang lebih luas terbentang. Katak perlu melompat. Kakinya mesti kuat melompat. Lompatlah jauh-jauh. Pandanglah tempurung yang ditinggalkan. Jangan asyik terjerit-jerit meminta hujan turun. Memekak sepanjang malam. Jangan diikuti perangai orang politik yang gemar melompat. Berpidato berapi-api minta sokongan. Berbuih mulut menurunkan seribu satu dalil dan hujah dipertaruhkan demi perjuangan.

Hakikatnya hari-hari adalah pengembaraan. Entah berapa kilometer perjalanan dalam satu hari. Entah berapa ratus atau ribu orang yang ada di sepanjang perjalanan. Entah berapa banyak peristiwa, aksi, gelagat manusia yang disaksikan. Semua itu adalah pelajaran buat mereka yang ingin berfikir. Berapa banyak buah epal yang jatuh sebelum Newton berfikir serius tentang teori graviti. Newton berfikir luar biasa daripada peristiwa biasa. Ibnu Khaldun mencatat teori sosiologinya sewaktu beliau terlibat mentabdir kerajaan di Andalusia dan juga berkhidmat di Mesir. Daripada pergaulan dengan masyarakat pelbagai kaum dan budaya. Kita tidak perlu menjadi penulis atau saintis untuk berfikir hebat. Memadailah mengambil pengiktibaran daripada peristiwa harian untuk menjadikan kita manusia yang lebih hebat.

Buku ini mempunyai tujuh bahagian dengan beberapa tajuk kecil pada setiap bahagian. Pembahagian ini tidak terikat dengan kronologi waktu. Walau bagaimanapun bahagian pertama adalah tulisan mengenai kehidupan di United Kindgom sebagai mukadimah kepada pengembaraan kami ke benua Eropah dan Timur Tengah. Bahagian ketujuh atau terakhir merupakan episod pengembaraan kami terakhir sebelum pulang ke tanah air.

Kemudian bahagian kedua adalah pengembaraan kami ke Sweden dan Norway yang merupakan negara Scandinavia. Bahagian ketiga adalah pengalaman dalam pengembaraan ke empat buah negara iaitu Jerman, Holland, Belgium dan Luxembourg. Manakala kembara kami ke Paris di Perancis yang kami pergi pada waktu lain juga dikepilkan dalam bahagian ini.

Dari segi geografi, kesemua negara itu merupakan negara kejiranan antara satu sama lain.

Bahagian keempat adalah perkongsian pengalaman berada di kota Istanbul yang terletak antara dua benua – Asia dan Eropah. Pada masa itu kami merayakan hari raya di situ. Bahagian kelima sebenarnya adalah lawatan pertama kami ke luar bumi Inggeris iaitu ke wilayah Andalusia. Bahagian keenam adalah pengisahan pengembaraan ke Jordan. Bahagian terakhir adalah pengalaman pengembaraan ke Syria dan Lubnan.

Ketika aku pulang ke Kota Bharu selepas beberapa bulan kembali ke tanah air, sepanjang perjalanan dari Kuala Lumpur ke Gua Musang, hujan tidak berhenti-henti. Aku pandu kereta perlahan-lahan. Agak memenatkan bila memandu begitu. Berhenti di hentian rehat untuk menghilangkan sengal lenguh kaki memandu kereta manual. Tandas berbayar pun masih tidak bersih. Apatah lagi tandas masjid yang percuma. Ini merupakan salah satu tabiat buruk orang kita yang berbeza daripada yang disarankan dalam agama.

Kelantan satu-satunya negeri di Malaysia tanpa lebuhraya. Lebuhraya Timur Barat yang menghubungkan Gerik dengan Jeli bukanlah lebuhraya yang benar-benar mesra pengguna. Mungkin tiada tol di situ. Pelancong domestik ke Kelantan banyak menyumbangkan pembangunan industri pelancongan dan perniagaan. Kebanyakan para pelancong membeli belah dan pergi ke kawasan peranginan yang menarik. Jika diurus dengan baik, para pelancong akan menjadi media yang menyampaikan maklumat sebenar kepada masyarakat luar.

Mengembara di luar negara dengan mengembara di tanah air sendiri mempunyai perbezaan tetapi pada hakikatnya ia tetap proses pembelajaran daripada alam. Bahkan itulah universiti yang terbuka untuk kita mengutip kebijaksanaan yang ada.

Tidak lupa juga aku rakamkan penghargaan dan terima kasih kepada isteri tercinta, Wan Noraidah Wan Ismail yang setia menemani dalam kembara ilmu. Begitu juga dengan anak-



anak kami, Najihah dan Nabilah yang telah belajar merakamkan pengalaman kehidupan dengan cara mereka sendiri. Pengembaraan bersama dalam satu keluarga adalah perjalanan mengutip hikmah yang tercicir.

Salam kembara tak berpenghujung!

Bahagian I
MELAYANG JAUH

Bab 1

KEMBARA YANG MENGINSPIRASIKAN

Sebelum aku lanjutkan catatan ini, banyak yang perlu ditulis awal. Aku ingin berkongsi tentang perkara yang lebih penting. Perkara yang menjadi dorongan untuk sesuatu pengembaraan. Iaitu cerita sebelum sesuatu pengembaraan bermula. Ia bukan sekadar jalan-jalan makan angin atau cari makan,

Keinginan keluar dari kampung untuk berhijrah, mengembara mencari kehidupan sebenar adalah antara ciri-ciri anak muda yang biasa. Bukanlah anak muda jika takut pada cabaran hidup di dunia asing. Memang wujud kebimbangan dalam menghadapi serba kemungkinan. Namun jika difikir-fikirkan secara mendalam, hakikatnya dunia ini adalah sama. Di mana bumi dipijak, di situlah langit Tuhan. Semakin jauh kita berjalan dan meninggalkan tanah air tercinta, semakin dekat jiwa kita dengan tanah tumpah sendiri.

Sememanglah tetap ada ujian dan cabaran yang mendatang. Ada kalanya hampir terputus asa dan sesekali merasa kalah. Betapa Allah SWT menguji kita dengan pelbagai bentuk. Kita biasa diajar oleh guru-guru kita agar memohon pada Allah SWT untuk mengasihani kita dengan tahap ujian yang mampu kita hadapi. Setiap orang berbeza tahap keupayaan dan ujian yang diterima. Sepertilah juga setiap manusia diberikan peluang dan rezeki yang berbeza mengikut ketentuannya. Kita berserah, bertawakal tetapi kita tetap berikhtiar sebagai manusia yang diberikan akal fikiran.

Tidaklah mengembara ini dengan tangan kosong, jiwa kecil dan akal yang singkat. Banyak persiapan perlu dibuat. Setidak-tidaknya membaca dan berkongsi dengan pengalaman sang

pengembara yang lebih berpengalaman. Setiap kali memasuki kedai buku di Eropah atau berehat-rehat di perpustakaan, bahagian buku-buku pengembaraan memang menarik sekali. Masyarakat orang putih mengembara ke seluruh dunia dan menjadi budaya dalam masyarakat mereka. Biasanya mereka mengembara berbulan-bulan lamanya. Ini juga disebabkan tukaran mata wang mereka yang lebih tinggi daripada negara lain.

Yang menariknya, semua laluan dan peristiwa dalam pengembaraan mereka akan dirakam dalam pelbagai bentuk seperti penerbitan buku, filem ataupun setidak-tidaknya dimuatkan ke dalam *youtube* untuk dikongsi semua. Menonton filem *The Motorcycle Dairies* yang menceritakan tentang pengembaraan Ernesto Che Guevara, ikon revolusi Cuba memang menarik sekali. Begitu juga membaca karya Ibn Batutah ataupun kisah pelayaran Laksamana Cheng Ho, Marco Polo dan penjelajahan Christopher Columbus.

Mereka bukan sekadar mencatat likuan pengalaman pengembaraan mereka tetapi berperanan sebagai agen perubahan masyarakat. Daripada seorang pendakwah, diplomat hinggalah kepada penakluk. Semua itu terungkap dalam sejarah pengembara tersohor dunia. Tidak seperti pengembaraan Cheng Ho, Marco Polo ataupun Ibn Batutah yang dibiayai oleh kerajaan, Ghe Guevara merentas rantau Latin dengan duit sendiri. Setiap laluan Che Guevara di benua Amerika Selatan dari Argentina hingga ke Guatamala, beliau telah menanam ideologi sosialis dan pendekatan revolusi untuk mengubah taraf hidup masyarakat yang tertindas.

Misi dakwah Abu Ayub al-Ansari ke bumi Konstantinopel akhirnya berjaya selepas beratus tahun syahidnya. Berpuluh juta umat Islam di China kini adalah hasil misi dakwah para sahabat. Sebelum pengembara tersohor dikenali, mereka sebenarnya telah melalui seribu satu cabaran yang menguji kesabaran dan kebijaksanaan mereka. Hinggalah ideologi peluasan kuasa Barat yang berteraskan kapitalisme telah mengubah landskap politik dunia pada kurun ke-15. Pengembara Eropah melihat dunia Timur sebagai wilayah berkhazanah tidak ternilai untuk mereka miliki dan kuasai.

Biarpun Stamford Raffles, Frank Swettenham, R.O. Winstedt adalah pegawai Inggeris tetapi mereka adalah penyelidik sosiobudaya yang banyak menulis tentang masyarakat Melayu. Tulisan mereka dibaca dan dijadikan panduan oleh sarjana sosiobudaya untuk memahami dan menguasai khazanah Tanah Melayu.

Pengembaraan aku dan beberapa pimpinan Dewan Pemuda PAS merentas ke wilayah Patani sewaktu bergolak, diekori polis Singapura dari cawangan khas semasa bertemu dengan pimpinan Pemuda Islam di sana dan mengetuai delegasi misi kemanusiaan ke Aceh yang dilanda tsunami hinggalah menjadi tetamu Hamzah Haz, Pemangku Presiden Indonesia menjadikan aku semakin ghairah untuk mengembara. Namun, pengembaraan bersama keluarga sebenarnya suatu yang lebih unik dan istimewa. Ia adalah satu episod berbulan madu yang terlewat dan sebahagian kerangka membentuk persefahaman antara ahli dalam keluarga. Ini kerana kebanyakan pengembaraan aku ini adalah bersama keluarga.

Yang pastinya, aku sering menjadi tukang pandu kereta. Dari kereta harian aku, Renault Magane 1995 yang kubeli £450 hinggalah kereta Audi, BMW dan Mercedes yang kami sewa dengan bajet paling ekonomi. Dari Dublin hinggalah ke Rom. Dari Istanbul hinggalah ke kota Damsyik yang mengasyikkan. Dari dinginnya suhu di Brussel hinggalah merasai bahang gurun di Jordan. Dari kota kosmopolitan Paris hinggalah kota klasik dan romantis di Prague.

Isteriku pula menyediakan bekalan makanan dan pakaian yang diperlukan dalam tempoh pengembaraan. Manakala dua anak perempuan aku mencari destinasi dan laluan utama. Mereka mengurus tentang tempahan tempat penginapan dan sewa kereta. Untungnya mengembara di negara maju, peniaga jarang sekali menipu pelanggan. Kita akan mendapat perkhidmatan yang terbaik.

Mengembara ke bumi asing bukan sekadar memahami perbezaan fizikal dan sosial masyarakat setempat tetapi juga untuk menghargai kewujudan diri dan masyarakat kita sendiri.

Sepanjang-panjang perjalanan ini, aku selalu mengimbau kembali suasana di tanah air dan masyarakat aku sendiri. Bagaimana masyarakat boleh maju dan negara dapat mencapai keamanan yang sebenar. Bukan keamanan yang dicipta dari ilusi kaca TV atau siaran berita perdana. Bukan keindahan dari kata-kata sang penglipur lara yang mengasyikkan hingga terlupa luka bangsa sendiri.

Bab 2

SELAMAT TINGGAL TANAH AIR

Pada hari raya puasa ketiga bersamaan 25 Oktober 2006, aku bersama isteri dan dua anak perempuan terbang meninggalkan tanah air. Di balai berlepas KLIA, ibu bapa, sanak saudara dan rakan taulan memberikan lambaian selamat jalan. Kami bertolak awal dari Teluk Intan dengan menaiki kereta dan van seperti menghantar jemaah haji. Kami dijadualkan bertolak pada 3 pagi dan sementara itu kami menginap sebentar di Concorde Inn, Sepang.

¶

Semasa di KLIA, bapa berpesan agar aku menjaga solat dan menghubungi mereka apabila tiba di sana kelak. Itulah pesan bapa selalu kepada aku sejak di bangku sekolah. Bapa juga berpesan, agar selesaikan pengajian dahulu dan tidak perlu balik ke Malaysia sebelum tamat pengajian. Ini bermakna kami akan pulang ke tanah air empat tahun lagi. Tidak pernah kami tinggalkan tanah air selama itu.

Ketika itu aku berusia 42 tahun dan bekerja dengan bapa yang menjadi Pengetua kepada Sekolah Menengah Agama Rakyat Maahad al-Islah. Sekolah agama itu bapa asaskan pada Disember 1988 ketika aku baru sahaja menamatkan pengajian ijazah pertama di Universiti Malaya dalam bidang Geografi dan Pengajian Islam. Asalnya bapa adalah seorang petani yang mengerjakan sawah di tanah tinggalan keluarga seluas dua setengah ekar lebih.

Setahun kemudian, aku mula bertugas di sekolah tersebut sebagai Penolong Kanan yang dibayar gaji permulaan sebanyak RM300 sebulan. Tidak disebut gaji tetapi ia adalah sagu hati. Namun gaji tersebut dinaikkan sedikit demi sedikit hingga RM1500

Waktu yang Terhenti

Buku ini mengajak pembaca mengembara ke Eropah dan Timur Tengah, bukan sekadar melalui geografi, tetapi juga melalui fikiran dan perasaan. Ia adalah catatan tentang dunia luar dan dunia dalam, tentang memerhati manusia, mengenal diri, dan mencari makna di balik setiap perhentian waktu.

Waktu yang Terhenti ialah kesinambungan kepada Aku Melayu di Kota Inggeris, tetapi ia berdiri sendiri sebagai refleksi mendalam tentang pengembaraan, kehidupan sebagai pelajar tanpa tajaan, dan bagaimana dunia asing boleh menjadi cermin untuk melihat semula siapa diri kita.

ilhambooks

www.ilhambooks.com



9 789670 067292



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA